

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI DR. RONALD KIANDEE  
[ BELURAN ]**

**SOALAN NO. 367**

**DATUK SERI DR. RONALD KIANDEE [ BELURAN ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah pesakit buah pinggang di Parlimen Beluran. Adakah Kementerian bercadang untuk menambah kemudahan dialisis yang sedia ada di daerah berkenaan.

**JAWAPAN**

**Yang di-Pertua,**

Pada masa ini, *National Renal Registry* hanya mengumpul data pesakit kegagalan buah pinggang mengikut negeri dan sektor (swasta, NGO, awam). Berdasarkan *24<sup>th</sup> Report of The Malaysian Dialysis & Transplant Registry 2016* menunjukkan pesakit buah pinggang yang sedang menerima rawatan hemodialisis di Negeri Sabah berjumlah 1,846 orang. Seramai 1,212 sedang menerima rawatan di kemudahan Kerajaan, 402 orang menerima rawatan di Pusat Dialisis Swasta dan 232 orang sedang menerima rawatan di Pusat Dialisis NGO.

Sehingga kini, pesakit yang memerlukan perkhidmatan dialisis dari kawasan Parlimen Beluran akan mendapatkan perkhidmatan dialisis di Hospital Beluran. Terdapat 18 orang pesakit yang sedang menerima rawatan hemodialisis di Hospital Beluran dan secara keseluruhannya, terdapat lima (5) mesin hemodialisis di Hospital Beluran. Hospital ini masih mampu untuk menampung pesakit sehingga 30 orang.

Kerajaan akan sentiasa menambah dan menaiktaraf kemudahan dialisis di Negeri Sabah. Pada tahun 2019, Kerajaan telah menyediakan sebanyak RM590,000.00 bagi pembelian mesin hemodialisis dan menaik taraf kemudahan dialisis bagi Negeri Sabah. Dengan pertambahan pesakit yang memerlukan rawatan dialisis di seluruh Negara yang semakin meningkat, KKM sedang berusaha memperluaskan kaedah rawatan *Continuous Ambulatory Peritoneal Dialysis* (CAPD). Kaedah rawatan CAPD dapat dilakukan di rumah oleh pesakit sendiri dan dapat mengurangkan keperluan kemudahan hemodialisis.

Sekian, terima kasih.